

15 NOV 1999

Isa-Calon

CADANGAN NAMA CALON UMNO NS DISERAH KEPADA PERDANA MENTERI

PORT DICKSON, 15 Nov (Bernama) -- Senarai nama wakil Umno Negeri Sembilan untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-10 telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata beliau telah menemui Dr Mahathir 11 pagi tadi di Kuala Lumpur untuk menyerahkan senarai nama itu.

Katanya beliau telah menghantar sekurang-kurangnya tiga nama yang layak menjadi calon termasuk nama penyandang untuk setiap kawasan pilihan raya yang ditandingi Umno.

"Terserah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan akhir," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil Tabika di Linggi, dekat sini.

Beliau enggan mengulas apabila ditanya mengenai spekulasi bahawa beliau akan bertanding di kawasan Parlimen Tampin pada pilihan raya umum ini.

Mohamed Isa berharap wakil rakyat sekarang yang tidak terpilih bertanding supaya mengotakan ikrar dan janji mereka untuk terus memberi sokongan kepada calon BN bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya ini.

Beliau juga berkata parti pembangkang kini ketandusan isu dan tiada isu baru diketengahkan.

Malah, katanya, kebanyakan isu yang ditimbulkan oleh pembangkang adalah isu pembohongan dan fitnah.

"Oleh itu jentera BN mesti berusaha untuk menangkis fitnah ini," katanya.

-- BERNAMA

rp mai